

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JANUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## PM jamin bantuan banjir lebih cepat

# PM jamin bantuan banjir lebih cepat

### Penyampaian terlewat sedikit disebabkan proses pengesahan pemimpin masyarakat

Oleh RoselanAb Malek  
bhnews@bh.com.my

**Bera:** Kelewatan bantuan kepada mangsa banjir membabitkan pembelian barang elektrik berjumlah RM500 dan bantuan RM2,500 untuk menggantikan barang rosak adalah disebabkan proses pengesahan, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri menjelaskan, proses itu memerlukan kelulusan daripada pemimpin masyarakat atau ketua kampung bagi memastikan hanya yang benar-benar layak mendapat bantuan terbabit.

Walaupun berlaku kelewatan, terutama kepada mangsa yang tidak berpindah, Ismail Sabri menegaskan,


beliau sudah mengarahkan semua pihak menyegerakan pemberian bantuan berkenaan.

"Sebagaimana pengalaman banjir sebelum ini, ada sesetengah bantuan mengambil masa sehingga enam bulan untuk sampai kepada penerima. Ada yang lewat kerana perlu dapatkan pengesahan daripada 'Tok Ampat' (ketua kampung) atau pihak terlibat," katanya.

Berucap pada Program Santunan Kasih Mangsa Banjir di Masjid Kampung Guai di sini semalam, Perdana Menteri berkata, ketua kampung atau ketua masyarakat perlu mengesahkan terlebih dahulu mereka yang perlu dibantu adalah 'mangsa yang terjejas akibat banjir'.

Katanya, bayaran Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000 dapat diselesaikan lebih cepat kepada mangsa banjir yang berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) berbanding penduduk yang memilih untuk tidak berpindah ke pusat berkenaan.

"Ketua kampung atau ketua masyarakat di sesuatu tempat itu perlu melihat kewajaran mereka (terjejas banjir) untuk layak menerima bantuan. Sebagai contoh, mereka yang tinggal di tingkat 10



Ismail Sabri menyerahkan bantuan pada Program Santunan Kasih Mangsa Banjir, di pekarangan Masjid Kampung Guai, semalam. (Foto Farizul Hafiz Awang/El)

bangunan di mana banjir menecah hingga tingkat dua, telah memohon baucar tunai RM500 untuk membeli peralatan elektrik.

"Mereka mungkin layak dapat baucar RM1,000 untuk membaiki kerosakan kenderaan sekiranya kereta diletakkan di tingkat bawah rosak," katanya menambah, ketua kampung atau ketua masyarakat bertanggungjawab mengesahkan setiap pemohon adalah mangsa tulen yang benar-benar terjejas akibat banjir untuk layak menerima pelbagai bantuan disediakan kerajaan.

Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera bagaimanapun memberi jaminan proses pembayaran bantuan banjir akan diselesaikan dalam tempoh lebih singkat berbanding sebelum ini.

"Sebelum ini, pembayaran bantuan banjir ambil masa antara enam bulan hingga setahun sebelum ia dikeluarkan, tetapi kali ini ia akan dibuat secepat mungkin. Bagi mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan, mereka akan layak menerima BWI sebanyak RM1,000.

"Kalau tanya saya, sudah tentu saya mahu semua mangsa banjir

menerima bantuan tunai itu, tetapi memandangkan ia membabitkan dana kerajaan dan akan melalui proses audit, kita kena telus semasa proses mengagihkan bantuan itu," kata Perdana Menteri.

Beliau memaklumkan, pembayaran BWI kepada mangsa banjir di seluruh negara hampir selesai dengan RM1.4 bilion sudah disalurkan dan dijangka meningkat susulan jangkakan nilai kerosakan akibat bencana terbabit boleh melangkaui RM6 bilion.

"Pasukan petugas khas penguurusan bencana akan bertemu dalam tempoh dua minggu akan datang untuk membincangkan langkah jangka panjang bagi menangani banjir. Banyak kita boleh lakukan dengan RM6 bilion termasuk melebarkan sungai atau bina tebatan banjir dan mangsa mungkin tidak perlu lagi tangung kesusahan untuk berpindah serta alami kerugian besar.

"Kita akan melihat dari perspektif yang lebih besar cara menangani banjir kerana nampaknya kita telah menghadapi banjir setiap tahun tanpa penyelesaian yang sewajarnya. Walaupun usaha ini akan menga-

mbil masa lima atau 10 tahun untuk diselesaikan sepenuhnya, kerajaan berazam untuk menyelesaikannya," katanya.

Pada Majlis Sekalung Budi Kepada Petugas-Petugas Banjir Parlimen Bera di Dewan Majlis Daerah Bera Padang Luas kemudian, beliau menzahirkan penghargaan kepada semua pihak dan agensi yang bekerja keras membantu ketika banjir melanda negara dua kali dalam tempoh singkat, baru-baru ini.

"Kerajaan sangat menghargai komitmen dan keprihatinan kakitangan pelbagai agensi, badan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan yang sangat menitikberatkan kebajikan mangsa, bukan bukan hanya semasa bencana itu, sebaliknya diteruskan sehingga pascabanjir.

"Saya hargai semua pihak yang bertungkus lumus sewaktu dan selepas banjir terutama membersihkan rumah mangsa dan kawasan awam. Terima kasih atas sumbangan yang membolehkan isu ini ditangani dengan baik di Bera sehingga peringkat menyampaikan sumbangan juga berjalan baik," katanya.